



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon 03-8000 8000

No. Faks 03-8888 6020

Laman Web www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT TAKAHASHI MITSUO, PARLIAMENTARY VICE-MINISTER PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN JEPUN KE ATAS TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 3 MEI 2024, - YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 2 Mei 2024 (Khamis) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Takahashi Mitsuo, *Parliamentary Vice-Minister* Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun di Wisma Tani, Putrajaya.

Jepun merupakan salah satu rakan perdagangan utama Malaysia dalam sektor pertanian dan agromakanan. Data perdagangan bagi tahun 2023 merekodkan nilai eksport dari Malaysia ke Jepun sebanyak RM8.41 bilion berbanding nilai import dari Jepun ke Malaysia sebanyak RM2.09 bilion seterusnya menyumbang kepada imbalan perdagangan positif kepada negara.

Lebih perdagangan agromakanan antara dua negara tersebut merupakan suatu pencapaian yang membanggakan. Justeru, pertemuan sulung kedua-dua pemimpin adalah penting dalam memastikan kerjasama yang baik ini berterusan.

Dalam pertemuan yang berlangsung hampir satu jam, kedua-dua pemimpin membincangkan kerjasama antara Malaysia dan Jepun dalam perdagangan dua hala, kerjasama di dalam sektor pertanian serta peranan Malaysia sebagai hab halal yang ingin dimanfaatkan oleh Jepun. Di kesempatan tersebut, Arthur mengalu-alukan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan berharap supaya pertukaran teknologi dapat diperkembangkan melalui kerjasama dua hala sedia ada.

YB Timbalan Menteri turut memaklumkan perancangan Malaysia untuk menganjurkan Mesyuarat kali Ke-2 Pegawai-pegawai Kanan bagi Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN-Jepun (*Senior Officers Meeting of the ASEAN-Japan Ministers of Agriculture and Forestry* (AJMAF)) Ke-2 pada 7 Ogos 2024 bersempena penganjuran Mesyuarat Khas Pegawai-pegawai Kanan kali Ke-45 Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (*Special Senior Official Meeting of ASEAN Ministers on Agriculture*

and Forestry (SSOM-AMAF)) Ke-45 pada 6-8 Ogos 2024. Mesyuarat itu kelak dijangka akan membincangkan perkembangan kerjasama ASEAN-Japan *MIDORI Cooperation Plan* yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat AJMAF Pertama pada tahun 2023.

Kunjungan TYT Takahashi Mitsuo ke Malaysia juga melibatkan pelancaran *Japan Food Export Platform* di Malaysia. Malaysia merupakan negara dengan majoriti Muslim yang pertama dipilih sebagai lokasi *Japan Food Export Platform*. Langkah ini diharap dapat membuka peluang kepada lebih banyak syarikat Jepun untuk menembusi pasaran halal serta mendapatkan pengiktirafan halal.

Dalam pada itu, Arthur menyatakan kesediaan KPKM menyokong usaha tersebut dan pada masa yang sama memohon sokongan dan bantuan pihak Jepun untuk mempertingkatkan kualiti produk keluaran penternak tempatan melalui perkongsian kapasiti dan latihan.

Di akhir pertemuan, YB Timbalan Menteri telah menjemput TYT Takahashi Mitsuo ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada 11 hingga 22 September 2024 dan mempelawa penyertaan pihak Jepun dalam acara dwi-tahunan tersebut. Pihak Jepun pula menjemput Malaysia menyertai *International Horticultural Expo Yokohama* yang akan berlangsung di Kanagawa Prefecture pada 19 Mac hingga 16 September 2027.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad; Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (DOA), YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi serta pegawai-pegawai KPKM.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
3 MEI 2024